

TARIKH: 28/6/23  
SURAT KHABAR: Kosmo  
MUKA SURAT: 4

Wujud halangan kewangan, kekangan masa

# Swasta, GLC tidak yakin manfaat TVET

DEWAN  
NEGARA

Oleh NUR HUDA MUSA

**KUALA LUMPUR** – Pelaksanaan Memorandum Kerjasama Transformasi Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bersama syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat swasta berdepan pelbagai cabaran seperti pihak industri menekankan manfaat atau keberhasilan yang bakal mereka perolehi menerusi jalinan kerjasama tersebut.

Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar berkata, elemen itu merupakan satu cabaran penting yang perlu diperjelaskan sebelum sesebuah industri terlibat dalam pelaksanaan program TVET.

“Sesi libat urus dan perbincangan secara berterusan dilakukan untuk meyakinkan impak kerjasama yang terjalin khususnya dalam aspek peningkatan produktiviti dan pendapatan syarikat.

“Selain itu, wujud juga kebimbangan di kalangan industri tentang halangan faktor kewangan dan kekangan masa yang mungkin wujud pada masa hadapan,” katanya di Dewan Rakyat semalam.

Sivakumar berkata, kedua-dua



**PIHAK swasta dan GLC melahirkan kebimbangan tentang manfaat yang diperolehi daripada jalinan kerjasama dengan TVET.** – GAMBAR HIASAN

faktor itu menjadi pertimbangan pihak industri dalam menjalin kerjasama memandangkan ia memerlukan komitmen berterusan dalam usaha merealisasikan impak program TVET.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk C. Sivaraj yang mahu tahu status terkini pelaksanaan memorandum tersebut serta apakah cabaran-cabaran yang telah dikenal pasti setakat ini.

Sementara itu, Sivakumar berkata, dalam konteks tadbir urus pula yang merangkumi elemen kepimpinan, komitmen, kepercayaan dan koordinasi turut mempengaruhi sesebuah industri untuk terlibat dalam kerjasama pelaksanaan program TVET ini.

Dalam perkembangan lain Sivakumar memaklumkan, menerusi Memorandum Kerjasama itu, program perkongsian kepakaran dan penawaran program peningkatan kemahiran telah mula ditawarkan oleh pihak industri yang terlibat untuk dimanfaatkan oleh pelajar dan tenaga pengajar TVET.

“Penglibatan dan sumbangan secara lebih aktif oleh syarikat-syarikat ini akan dibincang dan direalisasikan menerusi sesi libat urus yang sedang dijalankan dari semasa ke semasa.

“Jalinan kerjasama turut dilakukannya secara spesifik antara institusi TVET dengan pihak industri dalam usaha mewujudkan ekosistem latihan berpacuan keperluan industri,” ujarnya.